



**SYARAT KEMASUKAN PELAJAR KE TINGKATAN IV
SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI TERENGGANU
(BUKAN BERASRAMA PENUH)
BAGI TAHUN 2020**

Pengambilan pelajar-pelajar ke Tingkatan IV Sekolah Menengah Agama Negeri, Terengganu adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Syarat Am

- 1.1 Pelajar-pelajar Madrasah Moden Terengganu (MMT)
- 1.2 Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
- 1.3 Warganegara Malaysia atau rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.
- 1.4 Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Kebangsaan (KAA: Kelas Aliran Agama), Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu dan Sekolah Agama Swasta (Terengganu).
- 1.5 Pelajar mesti memiliki 4 Dokumen Pentaksiran kecuali pelajar Madrasah Moden Terengganu (MMT) mesti memiliki Sijil Menengah Rendah Madrasah (SMRM) sahaja
 - PT3
 - PAJSK
 - Psikometrik
 - PBD

2. Syarat Kemasukan Ke Aliran Dini Sains

- 2.1 Memenuhi Syarat Am.
- 2.2 Bagi calon SMA, lulus PT3 Tahun 2019 dengan mendapat minimum 4A dan bagi calon selain SMA, lulus PT3 Tahun 2019 dengan mendapat minimum 6A.
- 2.3 Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat B bagi mata pelajaran Sains & Matematik dan sekurang-kurangnya Pangkat C bagi mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini (Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiyah Mua'sirah).
- 2.4 Bagi calon selain SMA, mendapat Pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Arab dan Pendidikan Islam.
- 2.5 Bagi aspek Psikometrik calon perlu mendapat 3 mata Holland yang mengambil kira (Realistik) ataupun (Investigatif).
- 2.6 Bagi aspek PAJSK calon perlu mendapat sekurang-kurangnya gred (B).
- 2.7 Bagi calon Madrasah Moden Terengganu (MMT) lulus SMRM dengan mendapat minimum 6A dan mendapat Pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Arab, Tauhid, Feqah & Tafsir serta mendapat sekurang-kurangnya Pangkat B bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

3. **Syarat Kemasukan Ke Aliran Dini Sastera**

- 3.1 Memenuhi Syarat Am.
- 3.2 Bagi calon SMA, lulus PT3 Tahun 2019 dengan mendapat minimum 3A dan bagi calon selain SMA, lulus PT3 Tahun 2019 dengan mendapat minimum 4A.
- 3.3 Mendapat sekurang-kurangnya lulus bagi mata pelajaran Sains & Matematik dan mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini (Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiyah Mua'sirah).
- 3.4 Bagi calon selain SMA, mendapat Pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Arab dan Pendidikan Islam.
- 3.5 Bagi aspek Psikometrik calon perlu mendapat 3 mata Holland yang mengambil kira (Aristik) ataupun (Sosial).
- 3.6 Bagi aspek PAJSK calon perlu mendapat sekurang-kurangnya gred (B).
- 3.7 Bagi calon Madrasah Moden Terengganu (MMT) lulus SMRM dengan mendapat minimum 6A dan mendapat Pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Arab, Tauhid, Feqah & Tafsir serta mendapat sekurang-kurangnya Pangkat B bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

4. **Syarat Kemasukan Ke Aliran Dini Agama di SMA Khairiah, SMA Al-Falah, SMA Maarif**

- 4.1 Memenuhi Syarat Am.
- 4.2 Bagi calon SMA, lulus PT3 Tahun 2019 dengan mendapat minimum 4A dan bagi calon selain SMA, lulus PT3 Tahun 2019 dengan mendapat minimum 5A.
- 4.3 Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat B bagi mata pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini (Usuluddin, Syariah dan Lughah Arabiyah Mua'sirah).
- 4.4 Bagi calon selain SMA, mendapat Pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Arab dan Pendidikan Islam.
- 4.5 Bagi aspek Psikometrik calon perlu mendapat 3 mata Holland yang mengambil kira (Aristik) ataupun (Sosial).
- 4.6 Bagi aspek PAJSK calon perlu mendapat sekurang-kurangnya gred (B).
- 4.7 Bagi calon Madrasah Moden Terengganu (MMT) lulus SMRM dengan mendapat minimum 6A dan mendapat Pangkat A bagi mata pelajaran Bahasa Arab, Tauhid, Feqah & Tafsir serta mendapat sekurang-kurangnya Pangkat B bagi mata pelajaran Sains dan Matematik.

Lampiran

(Penentuan aliran mengikut pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) bagi tingkatan IV tahun 2018. Pakej Dini Sains (semua SMA), Dini Sastera (semua SMA) dan Dini Agama (SMAASZA, SMA Khairiah, SMA Al-Falah dan SMA Maarif).

Tawaran ini tertakluk kepada kekosongan tempat. Keutamaan akan diberi kepada para pelajar yang mendapat keputusan terbaik.

(HAJI AZIZ BIN MUDA)

b.p. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama
Terengganu.

Tarikh: 17 Disember 2019